


Tanpa Doa, tidak ada sinode — Sri Paus Fransiskus

Umat diminta berdoa untuk Sidang Umum Sinode ke-16

PULAU PINANG: Kardinal Sebastian Francis, dalam surat pastoralnya bertarikh September 18, telah meminta komuniti Kristian khususnya, untuk mendoakan perjalanan Sidang Umum Sinode para Uskup Sedunia ke-16 yang bakal berlangsung di Roma tidak lama lagi.

Uskup Sebastian yang secara rasmi telah dilantik ke dalam konsistori pada September 30 lalu di Vatikan menyatakan, “Dalam beberapa hari lagi iaitu pada Oktober 4, Bapa Suci akan membuka sesi pertama Sidang Umum



Sinode para Uskup ke-16 yang bertema: Untuk Gereja Sinodal. Persekutuan, Partisipatif, Misi.”

Jelasnya, menjelang pembukaan Sidang Umum ini, Setiausaha Agung Sinode, Kardinal Mario Grech, telah meminta semua umat untuk berdoa bagi kelancaran Sinode, menggesa agar komuniti Kristian sebulat suara dan tidak putus-putus berdoa.

Kardinal itu mengatakan sifat utama Sinode ialah ia merupakan acara doa dan mendengar bukan sahaja ahli-ahli Sinode tetapi juga setiap orang yang dibaptis dan setiap Gereja.

“Sesungguhnya kita semua dipanggil pada

masa ini untuk bersatu dalam persekutuan doa dan bersungguh-sungguh memohon kepada Roh Kudus untuk membimbing kita dalam memahami apa yang Tuhan kehendaki kepada Gereja-Nya hari ini.”

“Dengan doa, adorasi, syafaat dan ucapan syukur, seluruh masyarakat gerejawi akan hadir secara rohani pada Sidang Umum Sinode.

Kardinal Sebastian memetik seruan daripada Kardinal Grech, untuk mendoakan doa untuk Sidang Umum Sinode pada Oktober 1, Hari Minggu Biasa ke-26, Masa Biasa (Tahun A), mengingatkannya dalam homili, dalam doa sejagat dan dalam berkat terakhir perayaan Ekaristi.

ayaan Ekaristi.

Bersama surat pastoral itu, dilampirkan bahan-bahan yang berkaitan untuk doa-doa tersebut seperti berikut:-

- 1) Berkat pada akhir Perayaan Ekaristi (bit.ly/3RzwaUr)
- 2) Doa Universal – Doa Permohonan untuk Misa Hari Minggu (bit.ly/3Ppoz8l)
- 3) Doa Universal – Doa permohonan Misa Harian (bit.ly/3PLIDUY)

Kardinal Sebastian turut mewakili umat beriman dalam doa semasa Vigil Doa Ekumenikal pada September 30 dan pada Misa Pembukaan Sidang Umum Sinode ke-16 pada Oktober 4, di Roma.

Usaha Sinode imbangi pelepasan karbon

TAKHTA SUCI: Dalam siaran akhbar yang diterbitkan pada hari Selasa, September 19, Sekretariat Agung Sinode menyatakan komitmen baharunya terhadap pemuliharaan Penciptaan.

Inisiatif yang diumumkan menjelang penerbitan *Laudato si'* bahagian kedua Sri Paus Fransiskus, terdiri daripada pilihan yang bertujuan untuk mengimbangi sisa pelepasan CO2 pada Perhimpunan Agung Sinode ke-16 yang akan bermula pada Oktober 4.

Siaran media itu menyatakan bahawa perkara ini boleh menjadi realiti melalui kerjasama dengan Yayasan Planet SOS dan kepakaran teknikal *LifeGate*, berdasarkan kejayaan usaha bersama mereka sebelum ini iaitu semasa Perhimpunan Sinode 2019.

Yayasan Planet SOS dan *LifeGate* merupakan yayasan amal yang menyokong projek-projek perlindungan alam sekitar dan alam semula jadi.

Dedikasi terhadap penjagaan alam sekitar

Dedikasi Sinode terhadap penjagaan alam sekitar bukan sekadar dasar tetapi merupakan tindakan serta sahutan kepada ajaran Sri Paus Fransiskus seperti yang dinyatakan dalam ensikliknya *Laudato Si'*, tentang penjagaan rumah kita bersama.

Seperti yang ditulis oleh Bapa Suci, “Kita telah menyakiti dan menganiaya planet kita sejak dua ratus tahun yang lalu. Namun, kita dipanggil untuk menjadi alat Tuhan agar planet kita menjadi seperti yang Dia kehendaki semada Dia menciptakannya dan sesuai dengan rencana-Nya untuk kedamaian, keindahan, dan keplenahan.”

Projek terpilih untuk mengimbangi pelepasan karbon akan dilaksanakan di Nigeria dan Kenya, menggabungkan pemuliharaan ekologi, penglibatan komuniti, dan sokongan padu untuk kehidupan individu di wilayah ini.

Matlamat utama adalah untuk memperkenalkan dapur memasak yang cekap dan teknologi penulenan air termaju kepada isi rumah, komuniti dan institusi.

Untuk golongan terabai

Sinode mengatakan bahawa di tengah-tengah inisiatif ini terletak niat untuk mengurangkan penggunaan biojisim dan ba-



Wira-wira kecil dilatih untuk menyayangi alam ciptaan Tuhan.

han api fosil yang tidak boleh diperbaharui.

Peralihan ini dijangka akan menghasilkan pengurangan ketara dalam tahap pencemaran udara, yang pada masa ini memberi kesan secara langsung kepada kesihatan pernafasan dan kadar kematian, terutamanya di kalangan populasi terabai seperti wanita dan kanak-kanak.

Pendekatan holistik ini bukan sahaja menangani isu alam sekitar tetapi juga meningkatkan kesejahteraan keseluruhan komuniti yang terlibat.

Kewangan yang mampan

Sinode juga menyatakan bahawa model pembiayaan ino-

vatif projek ini juga merupakan bukti kemampuannya.

Hasil yang dijana daripada penjualan kredit karbon akan dilaburkan semula untuk menyokong rakan kongsi tempatan yang terlibat secara aktif dalam pengeluaran, pengedaran dan penyelenggaraan teknologi yang disebutkan di atas.

Kesimpulannya, Sekretariat Sinode menyebut inisiatif ini sebagai “mewakili keazaman Sinode untuk melindungi ciptaan, menggabungkan kerohanian dengan tindakan praktikal”, yang menyahut seruan Sri Paus Fransiskus untuk menjadikan planet kita sesuai dengan rancangan Tuhan untuk “kedamaian, keindahan, dan keplenahan.” — *media Vatikan*

Sebaris kata hikmat

Engkau menjadikan kami untuk diri-Mu, ya Tuhan, dan hati kami gelisah dan hanya akan tenang sehingga ia beristirahat di dalam Engkau.

Tidak ada satu baris pun, di luar kitab suci, yang pernah menyentuh hati saya dengan kuat, gigih, dan menghantui sepanjang masa, seperti sebaris perkataan daripada Sto Augustine.

Pada dasarnya, ia adalah kisah hidup Augustine — dan kisah setiap kehidupan kita sendiri.

Semasa saya membaca dan meneliti, saya sering tersentuh oleh baris-baris kata yang kuat oleh beberapa pengarang di mana dengan segera, saya akan salin dan menggariskannya.

Saya mempunyai semua buku kecil petikan kata-kata terkenal daripada Shakespeare, Aristotle, Plato, Aquinas, Teilhard, Einstein, Albert Camus, Steve Hawking, Doris Lessing, Milan Kundera, John Steinbeck, Karl Rahner, John dari Salib, Ruth Burrows, James Hillman, Anne Frank, Ivan Illich dan ramai lagi. Namun, sebaris kata dari Augustine adalah paling menonjol di antara semua ini.

Apa yang ditekankan oleh Augustine ialah terdapat kegelisahan yang tidak dapat diubah dalam diri kita masing-masing, yang membuatkan kita sentiasa tidak selesai.

Saya sentiasa merasakan kegelisahan ini dengan kuat dalam hidup saya sendiri dan, ketika berusia dua puluhan, saya telah menulis sebuah buku, *The*

Restless Heart, di mana saya cuba untuk menyatakan kegelisahan rohani (dan mungkin kebanyakannya untuk diri saya sendiri) berdasarkan sebaris kata daripada Augustine.

Selama bertahun-tahun, saya sentiasa mencari dan memeriksa ungkapan lain yang setanding dan melengkapi baris kata daripada Augustine. Saya menemui beberapa kata yang mempunyai maksud yang sama, seperti berikut: Karl Rahner, seorang ahli teologi terkenal pada akhir abad ke-20, telah menulis kepada seorang rakan.

Karl bimbang rakannya akan terlepas terlalu banyak dalam hidup lalu menawarkan nasihat ini: Dalam seksaan ketidakcukupan dalam segala perkara yang telah kita capai, kita seharusnya belajar bahawa dalam kehidupan ini ada *pergelutan simfoni yang tidak pernah selesai*.

Pengkhotbah dalam Perjanjian Lama, menjelaskan kegelisahan tersebut dengan cara tertentu.

Pengkhotbah mengatakan dalam baris kata yang biasa kita dengar (“ada musim untuk segala-galanya”) bahawa alam semula jadi mempunyai irama tertentu.

Dia memberitahu kita bahawa akan ada irama atau waktu yang indah untuk masa, untuk alam semula jadi dan segala-galanya mempunyai waktu dan tempat yang sesuai.

Kemudian dia mengakhiri pernyataan yang menakjubkan ini: *Tuhan membuat segala sesuatu indah pada waktunya, bahkan*



Dia memberikan kekekalan dalam hati mereka. Tetapi manusia tidak dapat menyelami pekerjaan yang dilakukan Tuhan dari awal sampai akhir.

Dan siapa yang boleh melupakan kata-kata Anne Frank yang ‘berhantu’, dia menulis semasa masih remaja, tentang pengalamannya yang terkurung di loteng, bersembunyi dari Nazi, tersedar dengan sesuatu iaitu sesuatu yang gelisah dalam dirinya sebagai seorang remaja dan sebagai seorang artis.

Katanya kegelisahan itu tercetus kerana dia mahu berada di mana-mana pada masa yang sama.

Doris Lessing, penulis novel Inggeris, menyatakan bahawa di dalam diri kita masing-masing, terdapat tenaga yang kuat dan tanpa henti (“1000 volt”) yang membuatkan kita sentiasa tidak selesai.

Menulis di luar perspektif iman, beliau mengajukan pertanyaan, untuk apa tenaga ini? Jawabannya: Untuk segala-galanya dan untuk apa sahaja — kreativiti, cinta, seks, keadilan.

Pemenang hadiah Nobel, Albert Camus, juga menulis di luar konteks agama, mempunyai cara menarik untuk memahami semangat manusia.

Dia membandingkan sifat dalam manusia dengan banduan yang terperangkap dalam penjara zaman pertengahan.

Penjara zaman pertengahan direka untuk mematahkan semangat tahanan dengan meletakkan mereka di dalam bilik yang terlalu kecil, sehingga sukar untuk berdiri atau merenggangkan badan.

Siling penjara itu dibuat terlalu rendah dan biliknya terlalu sempit. Tujuannya ialah untuk mematahkan semangat banduan. Bagi Camus, itulah yang kita alami dalam sifat semulajadi kita.

Dunia ini terlalu kecil untuk kita benar-benar berdiri atau tidak dapat merenggangkan badan sepenuhnya dan ini melemahkan semangat kita.

Ini adalah beberapa ungkapan pedih tentang ‘penyakit’ ini, tetapi ia juga mempunyai pengertian berbeza-beza.

Agama Hindu mengatakan bahawa ‘kegelisahan’ ini adalah tentang “nostalgia tertentu untuk yang tidak ada batasnya” dalam diri kita.

Bagi Plato, kegelisahan ini adalah tentang “kegilaan ilahi” yang berpusar di tengah-tengah jiwa.

Shakespeare mengatakan ia adalah tentang “kerinduan abadi kita”.

Ruth Burrows pada mukadimah autobiografinya mengaku bahawa dilahirkan dengan kerumitan patologi yang telah menjadikan hidupnya sebagai pergelutan.

James Hillman, dalam bukunya yang cemerlang, *Suicide and the Soul*, mengemukakan bahawa kebanyakan bunuh diri berlaku kerana jiwa mereka tidak didengar dan seterusnya membunuh tubuh.

Manakala Philip Roth bercakap tentang pelbagai pengalaman buruk yang membentuk kekeliruan biografi manusia.

Sastera, falsafah, puisi, seni, psikologi, biografi, teologi, dan kerohanian penuh dengan ungkapan ketidakpuasan atau kegelisahan di dalam jiwa manusia yang akhirnya tidak dapat mencapai kedamaian penuh dengan apa-apa di dunia ini.

Tetapi ini adalah seperti yang sepatutnya. Bagi Augustine, yang menulis kira-kira 1700 tahun yang lalu, kegelisahan ini, keabadian ini, kerinduan ini, kegilaan ilahi ini, 1000 volt tenaga dalam diri kita, kerumitan patologi ini, dan kekeliruan biografi manusia ini yang membuat kita sentiasa gelisah, pada akhirnya, ia sebenarnya sifat-sifat terhebat — ia adalah anugerah Tuhan kepada keabadian dan keilahian kita yang adalah sebahagian daripada jiwa kita. — **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

Bangkit dari kealpaan, kelalaian

Jenayah seperti membunuh, Jmerogol, merompak amat didutuk oleh masyarakat kita.

Tetapi menghairankan pula Yesus dalam Injil hari ini memihak pada orang-orang yang terlibat dalam kegiatan yang kita anggap tidak bermoral itu katanya, “Perempuan-perempuan sundal akan mendahului kamu masuk ke dalam kerajaan Tuhan” (ay 31).

Bagi orang-orang Yahudi pada waktu itu, pembelaan Yesus terhadap orang-orang seperti itu adalah sangat keterlaluan dan membuat mereka marah.

Pada mereka, manusia itu adalah untuk undang-undang di mana undang-undang itu perlu dituruti oleh manusia.

Mengapa Yesus mahu menyelbelahi orang-orang yang dianggap salah itu, boleh kita fahami melalui perumpamaan tentang dua orang anak dalam Injil pada hari ini.

Apabila sang bapa menyuruh anaknya yang sulung pergi bekerja di ladang, anak itu tidak membantah. Tetapi dia tidak melakukan kehendak bapanya. Anak yang bongsu juga disuruh berbuat yang sama tetapi secara terang-terangan menolaknya.

Tetapi apabila anak pertama merenung dan menyesali perbuatannya itu, dia pergi melakukannya sesuai dengan kehendak sang bapa. Yesus bertanya kepada orang-orang Yahudi, “Siapakah di antara kedua-dua orang itu yang melakukan kehendak ayahnya?” Jawab mereka, “Yang pertama.”

Anak yang pertama mewakili para pemungut cukai dan pelacur yang banyak kali menolak kehendak Tuhan secara terang-terangan tetapi setelah menyesal lalu kembali kepada Tuhan. Sebaliknya anak yang kedua menjadi mercu tanda bagi para pemimpin orang-orang Yahudi yang nampaknya sangat alim tetapi tidak semua mengendahkan dan melaksanakan kehendak Tuhan yang sebenar-benarnya.

Yesus mahu melihat para pengikut-Nya bukan hanya sekadar mendengar dan melaksanakan undang-undang yang bertulis, tetapi juga menekankan perhubungan yang baik dengan Tuhan. Bagi Tuhan, yang penting bukan apa yang kita janjikan tetapi apa yang telah dan sedang kita lakukan terhadap sesama kita melalui kehidupan harian. Jangan sekadar cakap

tapi tidak serupa buat, lain di bibir, lain pula di hati sebab Yesus pernah berkata, “Bukan setiap orang yang berseru kepada-ku: Tuhan, Tuhan! Akan masuk ke dalam kerajaan syurga, melainkan dia yang melakukan kehendak Bapa- Ku yang di syurga” (Mat 6:21).

Demikian juga hubungan kita dengan Tuhan. Maka dalam hal ini, perumpamaan tentang dua orang anak dalam Injil tadi menjadi satu peringatan kepada kita semua agar jangan sampai kita merasa puas hanya dengan melaksanakan hukum agama sahaja tetapi gagal pula menghayati dan mengamalkan semangat hukum tersebut di dalam kehidupan harian kita.

Kemungkinan selama ini ada di antara kita yang setia datang ke gereja setiap minggu untuk memenuhi kewajiban sebagai pengikut Kristus.

Malah aktif di dalam pelbagai aktiviti Gereja serta hampir setiap hari berada di kawasan gereja, tetapi sikap tidak jauh berbeza dengan orang-orang yang tidak kenal Tuhan. Misalnya suka menipu orang, tidak memberi gaji yang setimpal kepada pekerja mereka,

HARI MINGGU BIASA KE-26 TAHUN A

YEHEZKIEL 18: 25-28

FILIPPI 2:1-11;

MATIUS 21:28-32

memburuk-burukkan nama sesamanya, menghindari dari membayar cukai, liat untuk membayar hutang.

Yesus memang suka membela orang-orang yang berdosa, tetapi bukan bererti Dia mahu menyetujui kejahatan mereka yang tidak bermoral itu.

Melalui sikap-Nya yang lemah lembut namun tegas itu, Dia mahu memberi kesempatan dan harapan kepada mereka untuk kembali kepada-Nya melalui pertaubatan walaupun lambat, tetapi Dia sabar menunggu. Dia tahu kuasa kasih lebih berkesan untuk melembutkan hati yang beku dibandingkan dengan kekerasan dan ancaman. Di dalam hal ini orang-orang yang berdosa masih tetap ada harapan.

Mungkin selama ini kita sung-

guh dibebani oleh dosa-dosa lampau, tetapi percayalah kita masih boleh bangkit semula. Masih ada harapan kerana bagi Yesus tidak ada tempat bagi kegagalan dan keputusan. Sama seperti Maria Magdalena yang menghairahkan itu, Zakheus yang tamak, Matius si pemungut cukai yang tidak jujur atau Paulus yang sangat kejam yang dapat kita baca kisah mereka di dalam Injil, tetapi mereka bertaubat dan berubah menjadi murid yang sejati.

Maka kita juga boleh bangkit dari dosa-dosa kita dan berubah menjadi pengikut Yesus Kristus yang sejati. Percayalah sebab Yesus sendiri sudah memberi jaminan kepada kita bahawa, “Tidak ada yang mustahil bagi orang yang percaya” (Mrk 9:23).— **Santapan Rohani**

Pemimpin pelbagai agama bicara keadilan ciptaan Tuhan

GEORGETOWN: Pemimpin pelbagai agama berkumpul di Pusat Keharmonian Pulau Pinang untuk forum Antara Agama dan Ekologi yang bertema, "Menyatukan Kepelbagaian Kepercayaan untuk Esok Lebih Hijau" pada September 3 lalu.

Forum itu dianjurkan bersama oleh Penang Harmony Corporation (HARMONICO) dan Komisi Keadilan Penciptaan Keuskupan Pulau Pinang. Sukhindarpal Singh, pengarah Harmonico mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan yang datang untuk memahami serta berbicara tentang ekologi, visi, misi dan program Harmonico.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Kalpa Vrksa Das, Antarabangsa (Persatuan Kesedaran Krishna), Sukhindarpal Singh (Majlis Gurdwara Malaysia), Kenneth Lee Tze (Persatuan Tao Persekutuan Malaysia), Friar Cosmas Francis OFM (Keadilan, Keamanan dan Integriti Penciptaan Malaysia-Singapura-Brunei), Loo Bong Seng (Persatuan Buddha Malaysia dan Institut Buddha Malaysia), Prof Zainal Alimuddin



Pemimpin dan peserta pelbagai iman membicarakan kepentingan alam sekitar berkesinambungan pada September 3.

(Pertubuhan Ikram Malaysia Cawangan Pulau Pinang) dan Renuka Radakrishnan (Majlis Hijau Pulau Pinang).

Friar Cosmas memberikan perspektif Katolik yang dipetik dari Kitab Kejadian tentang gambaran keseluruhan ciptaan Tuhan, di mana semua manusia telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga alam semula jadi. Ini diikuti dengan pandangan rohani

para pemimpin iman tentang kepentingan hidup berharmoni dengan alam semula jadi.

Moderator Magdalene Chiang merumuskan perbincangan forum bahawa kita semua adalah satu bangsa manusia, kita mempunyai satu Ibu Bumi sebagai rumah bersama kita, dan kita seharusnya bersatu dalam hal menjaga keharmonian alam sekitar.

Ahli-ahli panelis turut menyuarakan ke-

bimbangan mereka kerana rakyat tidak memandang serius krisis ekologi. Perkhidmatan makanan e-hailing juga menyumbang kepada lebih banyak sisa plastik dan sisa makanan!

Para panelis sebulat suara setuju bahawa semua penganut agama mempunyai kewajiban untuk melindungi bumi daripada kerosakan penebangan hutan dan pembangunan yang berlebihan dengan serius.

Pemberkatan konven Sister FSIC di Pulau Pinang

BUKIT MERTA JAM, Pulau Pinang: Konven para Sister Franciscan of the Immaculate Conception (FSIC) telah diberkati oleh bakal Kardinal Sebastian Francis pada September 7 yang lalu.

Para Sister FSIC ini mula memasuki dan melayani di Keuskupan Pulau Pinang pada Februari 16, 2017.

Misi mereka ialah membantu Keuskupan Pulau Pinang dalam penjagaan pas-

toral kepada Kerasulan Umat Bahasa Malaysia (ABM).

Mereka juga sering membantu dalam pelayanan untuk Sakramen-sakramen, menganjurkan pelbagai kursus, bengkel, rekoleksi untuk pementapan iman dan aktif melakukan lawatan rumah ke rumah untuk pelayanan doa serta membantu umat yang memerlukan.

Bakal Kardinal Sebastian menyatakan

sokongannya terhadap para Sister FSIC ini dan menyatakan kepentingan pelayanan pastoral untuk umat dari Malaysia Timur yang datang bekerja serta belajar di Pulau Pinang, serta pelayanan untuk komuniti Orang Asli dan migran Indonesia.

Selain Pulau Pinang, FSIC juga mempunyai komuniti yang melayani di Kuala Lumpur, Terengganu dan Melaka Johor.



Para Sister FSIC yang melayani di Keuskupan Pulau Pinang.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Autopsi: Adakah Gereja membenarkan?

Soalan: Setelah menonton drama mengenai penyiasatan, terlintas di fikiran saya mengenai tindakan autopsi, apakah diperbolehkan oleh Gereja Katolik? Sesudah autopsi, bagaimana tata caranya menguruskan jenazah sesuai dengan aturan Gereja? — Andre Tee

Jawaban: Sejauh yang saya ketahui, autopsi merupakan suatu tindakan siasatan untuk mengetahui penyebab kematian seseorang.

Kata 'autopsi', atau 'otopsi', bererti "melihat dengan mata sendiri", atau "melihat mayat". Ada dua alasan untuk melakukan autopsi: secara klinikal bagi menentukan penyakit yang menyebabkan kematian dan; forensik, demi kepentingan undang-undang atau siasatan medik yang digunakan untuk kepentingan legal, sama ada di mahkamah lebih-lebih lagi dalam kes yang disyaki pembunuhan atau kemalangan.

Namun autopsi juga boleh dilakukan demi kepentingan anatomi, keperluan penelitian atau pendidikan kedokteran.

Katekismus Gereja Katolik (KGK) secara umum menyebutkan bahawa penelitian medis demi kemajuan perubatan dapat diterima, kalau itu menyumbang bagi perkembangan kehidupan manusia, secara medis, asalkan tidak melanggar martabat peribadi manusia dan norma moral (2292-2296).

Dalam konteks ini Gereja menyetujui tindakan autopsi demi penyelidikan medis dan pemeriksaan atas arahan mahkamah (Katekismus 2301).

Hanya memang dalam tradisinya Gereja

tidak pernah mengenal lengkap autopsi atas wafatnya Paus.

Bahkan semasa saat kritikal dan selepas wafatnya Sri Paus, foto atau rakaman tidak diperkenankan.

Demikian dikatakan Sri Paus Yohanes Paulus II ketika menata tentang saat takhta kosong dan proses pemilihan Sri Paus, dalam *Universi Dominici Gregis* (1996).

Kita dapat memahami bahawa kematian Paus Yohanes Paulus I, yang akan dibeatifikasi pada September 4, 2022, tidak diselidiki penyebabnya, walaupun ada spekulasi akan kematiannya. Sebuah penelitian melaporkan bahawa praktik penyelidikan atas wafatnya seseorang telah terjadi dalam Gereja Katolik khususnya dalam kepentingan penelaahan akan kesucian seseorang.

Misalnya kes terkenal terjadi pada tahun 1595 ke atas tubuh Filipus Neri, yang dikenali sebagai rasul Kota Roma.

Pada abad 16 dan 17 hal tersebut dikatakan terjadi beberapa kali atas permintaan Gereja Katolik, untuk membuktikan akan adanya mukjizat atas tubuh mereka yang kemudian dinyatakan kudus.

Kesucian dan mukjizat juga dapat dibuktikan melalui kajian ilmiah dan pembuktian ilmu, berdasarkan penelitian-penelitian sebelumnya.

Sebuah laporan lain juga membuktikan wujudnya autopsi dalam Gereja antara tahun 1348-1350, di mana Sri Paus Clemens VI, memerintahkan autopsi bagi korban wabak maut hitam (*black death*), yang berjangkit di masa itu dengan gejala kulit yang menghitam.

Autopsi itu bermatlamat mencari dan mene-

mukan penyebab penyakit atau wabak tersebut.

Dari sini kita dapat melihat bahawa praktik atau proses autopsi ke atas jenazah seseorang bukanlah sesuatu yang asing dalam Gereja Katolik.

Tentu hal tersebut dimaksudkan untuk suatu tujuan tertentu, yang dapat dipertanggungjawabkan, serta dijalankan dengan penuh rasa hormat atas tubuh dan jenazah mereka.

Tentang pemakaman secara umum Gereja mengharap agar jenazah mereka yang telah meninggal diperlakukan dengan hormat dalam harapan akan kebangkitan.

Kebangkitan Kristus membawa suatu hidup yang penuh dengan harapan (Lih. 1 Ptr. 1:3), maka sebagaimana kita menjadi satu dengan kematian-Nya, kita akan menjadi satu dengan kebangkitan-Nya (Lih. Rom. 6:5). Maka upacara pemakaman menjadi sesuatu yang bermakna bagi umat beriman.

Mereka yang diautopsi sebelum dimakamkan tentu tidak menjadi persoalan bagi kita di sini.

Pertanyaan muncul, bagaimana kalau autopsi dilakukan setelah dimakamkan kerana ada penemuan baharu atas kematiannya?

Tentu setelah semua proses dilalui, pemakaman dengan penuh hormat atas tubuh dan jenazahnya perlu juga dilakukan. Bagaimana ini dilaksanakan perlu dibicarakan dalam keluarga dan paderi paroki.

Kerana ini melibatkan kes khusus, dan sebagai langkah pastoral yang tepat, pemakam semula harus dibicarakan oleh keluarga yang ditinggalkan dengan paderi lokal. — Fr T. Krispurwana Cahyadi, SJ,

Sahabat kecil Yesus



**LENGKAPKAN
WAJAH KANAK-
KANAK PADA
GAMBAR INI DAN
JANGAN LUPA
MEWARNAKANNYA**


*Akulah pokok
anggur yang
benar dan
Bapa-Kulah
pengusahanya ...
Tinggallah di
dalam Aku
dan Aku
di dalam kamu.
(Yohanes 15:1,4)*

Lengkapkan petikan dari Filipi 2:1



**penghiburan
nasihat
belas**

**mesra
pesekutuan**



**Cari dua atau tiga orang untuk
bermain permainan di bawah.
Sediakan dadu dan patuhi arahan
yang tertulis pada petak tertentu.**

Hello adik-adik,

Untuk beberapa minit, mari kita berdoa untuk ibu bapa kita. Bagi adik-adik yang masih mempunyai ibu bapa, ucapkanlah terima kasih dan syukur kepada Tuhan.


Di dalam dunia ini, tidak ada orang yang menyayangi dan mahu melindungi kita, kecuali ibu bapa kita.

Mungkin, ibu bapa kita tidak kaya, selalu sibuk bekerja, selalu mungkir janji, tetapi antie percaya, ibu bapa adik-adik sentiasa cuba melakukan yang terbaik untuk adik-adik.

Mungkin, ibu bapa kita tidak sekaya orang lain, tetapi antie percaya, mereka amat menyayangi adik-adik.

Untuk beberapa minit juga, mari kita mendoakan untuk rakan-rakan kita yang telah kehilangan ibu bapa, akibat perang, bencana atau penyakit. Semoga Tuhan memberikan mereka kekuatan dan Roh penghiburan.

**Salam sayang
Antie Melly**



BELIA MILENIUM



Pelajar promosi nilai-nilai Rukun Negara

KUALA LUMPUR: Sebuah sekolah antarabangsa di Damansara telah menubuhkan kelab yang mempromosi nilai-nilai Rukun Negara dan demi mengekalkan keharmonian di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

Sekolah Antarabangsa Stella Maris, Damansara (SMIS), telah menubuhkan kelab Rukun Negara yang membolehkan para pelajar secara aktif, menyertai dan memelihara prinsip-prinsip Rukun Negara seraya memelihara keamanan dan toleransi pelbagai kaum serta agama di Malaysia.

Oleh itu, sekolah ini juga telah memasang Loceng Perpaduan yang diukir dengan lima prinsip Rukun Negara. Loceng itu dipasang di ruang legar sekolah dan dibunyikan se-



YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan bersama para pelajar yang memenangi pertandingan sekolah sempena Pelancaran Kelab Rukun Negara.

bagai panggilan simbolik untuk menyahut cabaran menegakkan keamanan dan keharmonian.

Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhor-

mat Hannah Yeoh, membunyikan Loceng Perpaduan itu sempena pelancaran Kelab Rukun Negara bagi sekolah rendah dan sekolah menengah.

YB Hannah berkata "Penubuhan kelab ini adalah satu perkara yang mulia. Kementerian Perpaduan Negara juga amat menitikberatkan Rukun Negara lebih-lebih lagi kebangkitan pandangan dan ucapan yang sangat melampau di media sosial di Malaysia, amat penting bagi anak muda agar berpegang teguh kepada lima prinsip Rukun Negara."

Selain itu, kelab Rukun Negara membantu pelajar memahami keperluan menjaga kesihatan dan kesejahteraan dengan bekerjasama dengan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan dan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia.

Antara manfaat lain menyertai Kelab Rukun Negara itu juga, ia mengimplementasi cara-cara mengurangkan pembaziran dan para pelajar juga dapat dibimbing serta didorong menggunakan sumber yang mesra alam.

MELAKA: Seramai 81 orang pelajar Sekolah Minggu paroki Our Lady of Guadalupe (OLG) yang berusia tujuh hingga 17 tahun, telah menyertai kem rohani bertema, "Iman dalam Yesus Kristus", di Good Shepherd Catholic Seminary pada September 1-3 lalu.

Kem rohani itu dikenali sebagai Kem Anak Domba Tuhan kali kedua, dianjurkan oleh tim Kateketikal Bahasa Malaysia Gereja OLG, Krubong, Melaka.

Pada hari pertama aktiviti menumpukan kepada sesi katekesis untuk membantu para peserta memahami makna "Iman kepada Yesus Kristus."

Para peserta kem diingatkan bahawa iman mereka kepada Yesus Kristus akan mentransformasi kehidupan dan pribadi mereka.

Pada hari kedua, para peserta berbicara lebih lanjut tentang 'iman sebesar biji sesawi' dan 'bagaimana mencari iman dalam Kristus'.

Fr Neville Arul Sinnappah semasa memimpin Misa Kudus menerangkan



iman menurut Gereja Katolik bahawa iman adalah pemberian atau karunia yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada

kita melalui Roh Kudus.

Pada akhir program, para peserta diingatkan bahawa sebagai umat yang

dibaptis, mereka mempunyai peranan penting untukewartakan Kerajaan Tuhan. — Roy Balraj

Pelayanan bukan platform untuk popular



PULAU PINANG: Upacara Pemakaian Jubah dan Ritus Pembaharuan Komitmen di kalangan pelayan altar Gereja Immaculate Conception telah dijayakan baru-baru ini.

Paderi paroki, Msgr Jude Miranda, menyatakan dalam homilinya bahawa dalam melayani Tuhan anda mesti mempunyai tiga ciri ini: bersemangat, komited, dan berke-mahiran. Menjadi pelayan altar bukanlah tentang kedudukan atau kuasa atau mahu terkenal sebaliknya ia adalah pelayanan cinta kasih dan pengorbanan.

Paderi itu mengucapkan tahniah kepada para pelayan altar kerana berani mengata-

kan 'ya' kepada Yesus untuk melayani.

"Jadikan ia sebagai bahagian tengah dalam hidup anda, ia akan menjadi kompas yang akan membawa anda kepada Tuhan. Selain itu, bantu orang lain juga untuk menemui keindahan Misa dan kasih Tuhan," ujar Msgr Jude.

Selepas homili, Msgr Jude mengutus dan memberkati para pelayan altar yang berikrar untuk menunjukkan rasa hormat dalam tugas mereka, mengembangkan kehidupan Kristian mereka melalui doa dan pelayanan serta mencintai Yesus dalam Ekaristi.



Salah seorang religius wanita sedang menjalani latihan praktikal di Radio Vatikan di bawah Projek Pentakosta. Gambar: Media Vatikan.

Religius wanita terima kerasulan media

ROMA: Dalam usaha untuk menyebarkan nilai-nilai Injil dan menggalakkan dialog antara umat Tuhan dengan masyarakat, para Sister kini menyedari bahawa media amat penting.

Untuk dapat melakukan evangelisasi dengan baik, para Sister memerlukan latihan, penggunaan dan konsumsi media. Hal ini akan membantu mereka berkomunikasi secara internal di dalam kongregasi mereka serta menyampaikan pesan kepada dunia luar.

Menyedari kepentingan komunikasi yang berkesan dalam masyarakat hari ini dan bertindak balas kepada keperluan semasa,

Dikasteri Vatikan untuk Komunikasi, dengan kerjasama Yayasan Hilton, telah menganjurkan Projek Pentakosta yang memperkasa kemahiran komunikasi religius wanita dan mempromosikan kemahiran serta celik huruf media.

Projek Pentakosta ini menggalakkan para religius wanita meneroka dan dilatih dalam media serta kewartawanan melalui kursus mini dalam talian.

Melalui projek ini juga, beberapa religius wanita berpeluang menjalani latihan di Radio Vatikan dan Media Vatikan selama tiga bulan.

Kecekapan religius wanita dalam menyampaikan katekesis,

sebagai formator iman dan guru tidak dapat dipertikaikan lagi.

Kini, religius wanita diseru untuk mengasah kemahiran menyampaikan katekesis atau khabar Gembira melalui media.

Melalui Projek Pentakosta dan banyak lagi bengkel, seminar dan kursus tentang media, telah menyedarkan para religius wanita bahawa media sudah memasuki karisma kongregasi mereka.

Dan mereka kini semakin aktif mengkomunikasikan iman melalui penggunaan pelbagai platform media yang selama ini dikuasai oleh golongan lelaki. — *media Vatikan*

Pemberita rahmat yang karismatik

VATIKAN: Berbicara kepada para anggota Oblat Benediktin, Sri Paus Fransiskus mengatakan bahawa semangat Benediktin membantu para anggotanya untuk meluaskan cinta kasih dan karya amal mereka.

Karisma para Oblat Benediktin adalah meneladani santo penaung mereka, Sto Benediktus yang mengundang para pengikutnya untuk memiliki ‘hati yang diperluas oleh kemanisan kasih sayang yang tidak terbatas’, kata Sri Paus Fransiskus pada September 15, semasa pertemuan dengan para Oblat Benediktin yang berada di Vatikan sempena Kongres Dunia Kelima Oblat Benediktin.

Bapa Suci menggunakan kesempatan ini untuk merefleksikan tiga aspek ‘perluasan hati’ ini iaitu pencarian akan Tuhan, semangat memberitakan Injil dan keramahan.

Aspek ‘Pencarian Tuhan’ meli-

batkan usaha mencari terus-menerus akan Tuhan, kehendak-Nya, dan keajaiban karya-karya Tuhan. Menurut Bapa Suci, pencarian ini melibatkan pembacaan Kitab Suci, kontemplasi terhadap ciptaan, menghadapi cabaran dan hubungan dengan sesama.

Dalam aspek ‘Semangat Memberitakan Injil’, ia meneladani para biarawan Benediktin yang menjadikan tempat tinggal mereka sebagai pusat Injil.

“Anda juga dipanggil dengan cara ini untuk mengubah keadaan sehari-hari anda, di mana pun anda tinggal, dengan bertindak sebagai rasi dalam adunan, bertindak sebagai pelita dalam kegelapan,” ujar Sri Paus Fransiskus.

Terakhir iaitu aspek ‘keramahan’ dalam Peraturan Benediktin, Pendiri Suci mereka menyeru para biarawan untuk menerima tamu di biara – teru-

tama para peziarah dan orang miskin – sebagaimana mereka akan menerima Yesus sendiri.

Sebagai seorang Oblat, “dunia yang luas ini adalah biara anda, kota dan tempat kerja anda, kerana di sanalah anda dipanggil untuk menjadi teladan yang menyambut sesiapa sahaja, yang mengetuk pintu anda, dan menjadi pemberani serta model dalam cinta kasih orang miskin.”

Bapa Suci juga mengingatkan para anggota Oblat Benediktin agar tidak terlalu menutup diri sendiri terhadap sesama, terutama mengecam atau mengeji orang lain.

Pada akhir audiensi, Sri Paus Fransiskus mengajak para Oblat Benediktin “untuk terus memperluas hati kalian, mempercayakannya kepada kasih Tuhan setiap hari dan memberikan kesaksian dengan semangat yang berkobar-kobar. — *media Vatikan*



Sri Paus Fransiskus menyapa para peserta Kongres Oblat Benediktin.

Inspirasi *Pacem in Terris* untuk usaha baharu perdamaian



Kardinal Peter Turkson (tengah) antara penalis dalam konferensi “*Pacem in Terris*” di Vatikan, Sept 19.

TAKHTA SUCI: Dalam pesan yang dikirimkan kepada peserta konferensi peringatan ke-60 tahun “*Pacem in Terris*” karangan Santo Sri Paus Yohanes XXIII, Sri Paus Fransiskus mengulangi seruannya kepada negara-negara untuk menghilangkan senjata nuklear dan menggunakan senjata ‘konvensional’ untuk membela diri.

Bapa Suci mengirim pesan itu pada September 19 kepada para peserta Konferensi Internasional yang dianjurkan oleh Akademi Ilmu Pengetahuan Sosial dan Institut Penelitian Perdamaian Oslo.

Sri Paus Fransiskus mendorong Konferensi untuk membicarakan pelucutan senjata dan jalan menuju perdamaian abadi dalam terang “*Pacem in Terris*”

Kardinal Peter Turkson, Chanse-

lor Akademik Kepausan untuk Sains Sosial menyatakan dua sebab utama pengumuman konferensi itu: pertama, ulang tahun ensiklik itu, dan, memperbaharui undangan menyelamatkan dunia yang dirobek oleh konflik. Menurut Kardinal Peter, konflik-konflik hari ini menyamai “Perang Dunia Ketiga yang menular sedikit demi sedikit”.

Apa yang boleh dilakukan untuk menghalang perang dunia ketiga dari tercetus?

Menurut Kardinal Peter, “mempromosikan keamanan dan untuk cuba bergerak ke arah situasi yang telah diramalkan oleh “*Pacem in Terris*” dan seperti gesaan Sri Paus Fransiskus, gencatan senjata dan kembali menggunakan senjata konvensional. — *media Vatikan*

Injil mengatasi perpecahan dan rintangan

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus menyambut baik pemasangan patung Sto Andrew Kim Taegon di Vatikan, dan mendorong umat Kristian Korea untuk mengatasi perpecahan melalui harapan Injil.

Paus Fransiskus mengingatkan hal itu kepada sekumpulan penziarah dari Korea Selatan, pada September 16 lalu.

“Keinginan untuk memberikan harapan Injil kepada dunia membuka hati kita terhadap antusiasme dan membantu kita men-

gatasi banyak hambatan.”

Kumpulan penziarah itu datang ke Roma untuk menyaksikan pemberkatan patung Sto Andrew Kim Taegon, paderi dan santo martir pertama Korea, yang dipasang di ceruk di bahagian luar Basilika Sto Peter.

Audiensi Sri Paus dengan kumpulan penziarah itu juga jatuh pada ulang tahun peringatan ke-177 kemartiran santo tersebut, dan Sri Paus berterima kasih kepada Profesor Maria Ko Jong-

hee, yang memahat patung tersebut.

Dalam ucapannya, Sri Paus mengenang Perjalanan Apostolikanya ke Korea Selatan pada tahun 2014, yang pada ketika itu merayakan Hari Orang Muda Asia keenam.

“Saya telah mengunjungi Gua Solmoe, di rumah tempat Sto Andrew Kim dilahirkan dan dibesarkan. Di sana saya berdoa dalam hati, khususnya untuk Korea dan generasi muda,” kata Sri Paus.

Prelatus itu memuji kesaksian Kristiani Sto. Andrew Kim yang menyebarkan kasih Tuhan di Korea.

Kepada para penziarah, Sri Paus mengatakan, “Kalian juga dipanggil untuk memiliki iman untuk menjiwai kasih Tuhan dan menyebarkannya kepada sesama serta alam ciptaan.”

Bapa Suci mengenang Sto Andrew Kim yang melaksanakan misinya dengan “semangat mulia, tidak gentar menghadapi bahaya dan pelbagai penderitaan.”

“Sto Andrew Kim mengajak kita untuk memupuk semangat kerasulan dan menunjukkan bagaimana umat Kristiani dipanggil untuk menyebarkan benih Injil dengan penuh sukacita!” — *media Vatikan*



Paus Fransiskus memegang patung miniatur Sto Andreas Kim Taegon.

ANGELUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Jangan berkira dalam hal mengampuni

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus menyeru orang Kristian untuk berbelas kasihan, dan memaafkan, tanpa berkira seperti Yesus.

Bapa Suci mengatakan ini semasa doa Angelus pada hari Minggu di Dataran Sto Petrus.

Sri Paus Fransiskus memberi renungan bacaan Injil hari itu yang dipetik dari karangan Sto Matius, yang berpusat pada pengampunan.

Tujuh puluh tujuh kali

Dalam bacaan Injil itu, Sto Petrus bertanya kepada Yesus: ‘Tuhan, berapa kali saya harus mengampuni saudara saya jika dia berdosa terhadap saya? Sebanyak tujuh kali?’ (ayat 21).

Sri Paus menjelaskan bahawa nombor tujuh dalam Alkitab, adalah nombor yang menunjukkan kesempurnaan.

“Tetapi Yesus menjawabnya: ‘Aku tidak berkata kepadamu sampai tujuh, tetapi sampai tujuh puluh kali tujuh.’”

“Yesus memberitahu Petrus bahawa jika anda mengampuni, anda tidak akan berkira-kira sudah berapa kali telah memaafkan. Yesus berpesan bahawa sentiasa memaafkan segala-galanya dan adalah baik untuk selalu memaafkan!”

Tuhan telah melakukan ini dengan kita; begitu juga kita yang mengikuti nasihat Tuhan untuk mengampuni, dipanggil untuk melakukan perkara yang sama tanpa mengira atau tanpa batasan.

Tuhan mengampuni tidak terkira

“Mesej Yesus adalah sangat jelas: Tuhan



Salah satu cara membalas kebaikan dan rahmat Tuhan ialah mengampuni. (Gambar ilustrasi/Media Vatikan)

mengampuni tanpa terkira, melampaui jangkaan.”

“Tuhan bertindak atas dasar kasih sayang dan kemurahan hati. Kita tidak dapat membalas semua kebaikan dan rahmat Tuhan yang melimpah ini tetapi apabila kita memaafkan saudara atau saudara kita, kita meniru Dia.”

Oleh itu, pengampunan bukanlah perbuatan baik yang terhad, di mana kita menimbang berat atau ringan, sama ada mengampuni atau tidak ... mengampuni itu harus dan tanpa batas, tegas Sri Paus.

Bapa Suci berkata ini merupakan “syarat asas” bagi mereka yang beragama

Kristian.

“Tuhan telah memberikan nyawa-Nya untuk kita dan sama sekali tidak seharusnya menimbang-nimbang untuk melakukan kebaikan. Lagipun tanpa pengampunan tidak ada harapan,” kata Sri Paus.

“Pengampunan adalah oksigen yang menyucikan udara yang tercemar oleh kebencian, ia adalah penawar yang menyembuhkan racun dendam, ia adalah cara untuk meredakan kemarahan dan menyembuhkan begitu banyak penyakit hati yang mencemari masyarakat.” — *media Vatikan*

Santapan untuk rohani kita

Kemarahan tidak memberi manfaat dalam hidup kita

Seorang pemuda amat rapat dengan bapanya sejak kecil. Bapanya itu adalah segala-galanya baginya. Tetapi, pandangannya itu berubah ketika dia berusia 10 tahun.

Kerana tekanan di tempat kerja, si bapa sering melepaskan kemarahan pada ibunya, yang seorang suri rumah tangga.

Kemudian, ketika dia berusia 12 tahun, bapa memiliki perempuan lain yang menyebabkan ibu membawanya berpindah ke tempat lain.

Peristiwa itu menghancurkan hatinya. Dia sangat marah dan sangat membenci ayahnya. Apalagi teman-teman kelasnya sering membulinya sebagai seorang yang tidak memiliki ayah.

Dia juga sangat kasihan terhadap ibunya yang bekerja keras untuk membesarkannya dan adik-adiknya.

Kemarahan dan kebencian dibawa sehingga dewasa, malah sentiasa memenuhi fikiran dan hatinya.

Pada suatu hari, bekas jiran mereka memberitahu bahawa bapanya sedang tenat dan isteri barunya juga sudah meninggal dunia akibat kemalangan.

Dengarnya, si bapa yang sakit itu hanya terlintas seorang diri. Tetapi si pemuda itu tidak berasa kasihan kerana dendam.

Pujukan dan desakan daripada ibu, menyebabkan si pemuda melawat bapanya. Ketika dia melihat bapanya yang nampak sangat tua dan sorot matanya penuh dengan penyesalan, airmatanya mengalir serta memeluk bapanya.

Pelukan itu mengalirkan sukacita seperti yang dialaminya semasa kecil. Kemarahan tidak pernah memberikan manfaat apapun dalam hidup kita.

Mereka saling bermaafan dan pemuda itu berasa damai semula.

Melepaskan barang ‘busuk’

Damai dan sukacita itu tidak mungkin dapat kita rasakan ketika kita sedang marah. Kemarahan dan sukacita mempengaruhi suasana batin kita. Ketika kita sedang marah, semuanya menjadi kacau. Sebaliknya ketika hati kita sedang bersukacita, semuanya terasa lancar dan indah.

Walaupun kita telah mengubur kemarahan kita dalam-dalam di hati kita, ia tidak akan pernah berhenti mengganggu fikiran kita.

Akibatnya, kita sangat lelah memikirkannya. Kita akan menghabiskan waktu kita dengan terus bertanya mengapa peristiwa itu terjadi. Pertanyaan seperti itu akan menghilangkan damai dan sukacita.



Ketika marah, damai dan sukacita tidak dapat dirasakan.

Pengampunan merupakan kunci untuk mengembalikan sukacita kita yang sempat hilang. Pengampunan membawa damai di hati.

Rekonsiliasi hati melahirkan kelegaan. Kelegaan itu umpama kita telah melepaskan barang-barang busuk yang kita bawa ke mana-mana.

Oleh itu, rekonsiliasi tanpa pengampunan hanyalah rekonsiliasi palsu. Untuk dapat mengampuni, kita hendaknya menyadari bahawa kita memerlukan pengampunan daripada Tuhan dan perlu mengampuni orang lain serta tidak marah kepada mereka. — *Fr Felix Suprango, SS.CC, hidupkatolik.com*

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Menjelang Sinode ke-16

Dalam beberapa ulasannya baru-baru ini mengenai sinodaliti, Sri Paus Fransiskus “berbicara Sinode tentang Sinodaliti”.

Mungkin, masih ramai umat yang tidak ambil peduli tentang hal ini dan kurang menarik perhatian masyarakat umum tetapi ini sangat penting bagi Gereja.

Perhimpunan Agung Biasa Sinode ke-16, akan bermula beberapa hari lagi. Perhimpunan Sinode adalah acara rohani yang berpusat pada doa dan mendengar Roh Kudus.

Berikut beberapa hal lain yang dikatakan Sri Paus Fransiskus tentang sinodaliti semasa kepausannya:

Pada Oktober 17, 2015 sempena ulang tahun peringatan ke-50 penubuhan Sinode Para Uskup, praltus itu berkata, “Dunia di mana kita hidup, dan di mana kita dipanggil untuk mencintai dan melayani, meskipun banyak cabaran, menuntut Gereja memperkuat kerja sama di semua bidang misinya. Jalan sinodaliti inilah yang Tuhan harapkan dari Gereja pada milenium ketiga.”

November 29, 2019, dalam ucapannya kepada Komisi Teologi Internasional, Bapa Suci mengatakan, “Anda telah menunjukkan bagaimana praktik sinodaliti, yang tradisional namun selalu diperbaharui dan sebuah implementasi, dalam perjalanan sejarah Umat Tuhan, Gereja sebagai misteri persekutuan, dalam gambaran persekutuan Tritunggal ...”

Sinodaliti adalah perjalanan gerejawi yang memiliki jiwa, iaitu Roh Kudus. Tanpa Roh Kudus tidak ada sinodaliti.

Dalam ucapannya kepada umat Keuskupan Roma, Bapa Suci mengatakan pada September 18, 2021 bahawa “Sinodaliti bukanlah sebuah bab dalam buku teks eklesiologi ... Sinodaliti adalah ungkapan sifat, bentuk, gaya, dan misi Gereja dan panduan paling penting ialah: Kisah Para Rasul.”

Pada Oktober 9, 2021 iaitu pembukaan Sinode tentang Sinodaliti, Bapa Suci menyatakan tiga risiko Sinodaliti iaitu formalisme, intelektualisme dan godaan cepat berpuas hati.

Sri Paus Fransiskus menambah, “Jika kita ingin berbicara tentang Gereja sinodal, kita tidak boleh berpuas hati hanya dengan penampilan sahaja; kita memerlukan *content*, sarana, dan struktur yang dapat memfasilitasi dialog dan interaksi dengan umat Tuhan, khususnya antara para paderi dan awam.

Semasa menaiki pesawat kepausan untuk kembali ke Roma dari Mongolia pada September 4, 2023, Sri Paus menegaskan tidak ada tempat bagi ideologi di sinode.

Sinode adalah dialog antara orang-orang yang dibaptis atas nama Gereja, tentang kehidupan Gereja, tentang dialog dengan dunia, tentang permasalahan-permasalahan yang mempengaruhi umat manusia saat ini.

Tegasnya, “Ada satu hal yang harus kita jaga: iklim sinode. Ia bukan acara TV yang membiarkan segala hal. Ada momen keagamaan, ada momen pertobatan rohani.”

“Seperti sinode-sinode sebelum ini, para uskup berbicara kemudian hening dan berdoa. Tanpa semangat doa ini tidak ada sinodaliti.” — *Hannah Brockhaus, CNA*

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

ECMI teliti praktik dan kerjasama untuk bantu migran, pelarian

PULAU PINANG: Komisi Pelayanan Pastoral untuk Migran dan Orang yang Berpindah Randah (ECMI) telah mengadakan Persidangan Tahunan 2023 yang berlangsung di Pusat Retret Stella Maris pada September 4-6 lalu.

Seramai 36 perwakilan dari pelbagai negara dan keuskupan termasuk Brunei, Malaysia dan Singapura berhimpun di Pulau Pinang. Persidangan dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Bernard Paul, presiden ECMI.

Pada hari kedua, peserta dibahagikan kepada lima kumpulan di mana mereka berkongsi pengalaman dan cabaran sepanjang mereka terlibat dalam Pelayanan Migran.

Penghijrahan telah menjadi sebahagian daripada sejarah manusia sejak Adam dan Hawa diusir dari Firdaus, hinggalah Abraham dan Musa, Yosef dan pengalaman Yesus sendiri sebagai pelarian yang diakibatkan oleh kelemahan manusia.

Pengarah Caritas Malaysia, Fr Fabian Dicom, dalam sesinya menerangkan tentang cara-cara menarik para pekerja migran untuk terlibat dalam karya-karya misi.



Katanya, banyak pekerjaan dan pelayanan yang melibatkan Misi Migran tetapi 'pekerja' sedikit. Ini boleh diselesaikan dengan berdoa dan doa harus menjadi komponen penting dalam misi pelayanan pastoral kepada migran, tegas Fr Fabian.

Hari terakhir dimulakan dengan perbincangan ahli-ahli panel mengenai hak undang-undang dan advokasi. Mereka mewakili pelbagai bidang yang perlu bekerjasama — PBB, NGO, Kedutaan dan masyarakat sivil.

Bagaimanapun, exco ECMI tidak dapat

menjemput wakil daripada kerajaan.

Ahli panel tersebut ialah: Mathura Gopala Krishnan, penolong kanan projek dengan Pertubuhan Migrasi Antarabangsa, Som Sivann dari Kedutaan Diraja Kerajaan Kemboja, Audrey See Tho Wai Siong Pengurus Kanan, Program di (IJM) Misi Keadilan Antarabangsa dan Sally Katherine Alexander dari Persatuan Pembela Wanita Pulau Pinang.

Mereka berbicara tentang: 1. Jenis bantuan yang disediakan oleh organisasi mereka, dan

membantu meningkatkan kesedaran tentang pendatang. 2. Amalan dan cara terbaik menghadapi cabaran organisasi masing-masing dalam membantu pendatang serta pelarian. 3. Mengetahui pasti bidang kerjasama antara organisasi berasaskan agama dan bagaimana organisasi mereka dalam menyediakan perkhidmatan sokongan kepada migran.

Uskup Bernard kemudiannya berkongsi pandangan tentang Pelayanan Migran. Prelatus itu menegaskan bahawa segala-galanya harus mengalir melalui doa. Sebagai kumpulan orang beriman, kita harus terus bertanya kepada diri sendiri, "Apakah yang dikatakan Roh Kudus kepada kita?"

Jelasnya, model kita ialah Yesus Kristus. Setiap daripada kita harus merangkumi lima perkara ini: 1. Keberanian — kepercayaan kepada panggilan kita, 2. Kreativiti — berfikir di luar sempadan konvensional, 3. Kerjasama — menjemput semua penyumbang berpotensi, 4. Kerjasama Berterusan — kekal terbuka kepada perkongsian dan mewujudkan rangkaian, dan 5. Renungan — bekerja dengan Tuhan dan meneliti kehendak-Nya.

Kampung di atas awan, sertai Keuskupan Agung Kuching



Uskup Agung Simon (tiga kanan), Friar David (dua kanan) dan Romo Bartolo (dua kiri) bersama beberapa penduduk Katolik Kg Sapit.

KOTA PADAWAN: 'Kampung Di Atas Awan' adalah gelaran yang diberikan kepada Kg Sapit, sebuah perkampungan Bidayuh terletak di kawasan pergunungan yang berhampiran dengan sempadan Kalimantan, Indonesia.

Kawasan tanah tinggi ini mempunyai populasi umat Katolik yang terpencil dan tidak termasuk dalam jagaan Keuskupan Agung Kuching.

Uniknya, iman Katolik di desa ini berkembang kerana sempadan antarabangsa yang tidak berpagar membolehkan umat dari perkampungan ini mengenal Kristus dan beribadat Gereja Katolik di Kg Gun Tembawang dan Kg Gun Jemak di Kalimantan, Indonesia yang merupakan di bawah naungan Paroki Santo Yohanes Maria Vianney, Entikong Keuskupan Sanggau, Kalimantan, Indonesia.

Setelah berpuluh tahun kewujudan komuniti Katolik di Sapit akhirnya sampai ke pengetahuan Uskup Agung Simon Poh, yang kemudian melawat ke perkampungan itu baru-baru ini.

Uskup Agung Simon mengadakan Misa Kudus di *Gated Palace*, sebuah *homestay* yang ada di Kg Sapit memandangkan bangu-

nan Gereja belum ada di sana.

Turut hadir ialah Friar David Au dan paderi dari Indonesia, Fr Bartolo dari Paroki Santo Yohanes Maria Vianney, Entikong.

Keuskupan Agung Kuching, Sarawak, Malaysia dan Keuskupan Sanggau, Kalimantan, Indonesia telah bersetuju untuk menyatukan umat Katolik Sapit dengan umat di Paroki St Ann, Kota Padawan, Kuching.

Penyatuan ini bermaksud meletakkan umat Katolik di Sapit di bawah naungan Paroki St Ann selepas sekian lama dijaga oleh Paroki Santo Yohanes Maria Vianney, Entikong.

Sejak penyatuan itu, pelbagai perancangan pastoral telah direncanakan bagi perkembangan iman Katolik di desa itu.

Antaranya, bangunan Gereja yang bakal dibina dan wakil umat Katolik Kg Sapit juga telah dijemput menghadiri Mesyuarat Bulanan Majlis Pastoral Paroki (MPP) St Ann, Kota Padawan.

Selain Kampung Sapit, MPP St Anna turut turut mengalu-alukan komuniti Katolik di Kg Sungai Burung, Siburan yang juga baharu menyertai paroki tersebut.

Selamat menyertai Paroki St Ann, para umat Kampung Sapit dan Kampung Sungai Burung! — *sumber Today's Catholic*

Penziarah angkat 100kg salib sejauh 900 meter

POHUMPUNG, Limbahau: "Kita tidak menyembah salib tetapi kita menyembah Peribadi yang telah disalibkan iaitu Kristus yang wafat untuk menebus dosa-dosa kita dan bangkit pada hari ketiga dengan penuh mulia. Kerana itu, iblis takut akan salib," kata Msgr Nicholas Stephen, Paderi Paroki Holy Rosary Limbahau semasa Ziarah Pesta Pemuliaan Salib pada September 14 lalu.

Buat julung kalinya, Pesta Pemuliaan Salib diraikan dalam skala besar iaitu Ziarah Jalan Salib.

Sekitar 300 penziarah dari dalam dan luar Paroki Papar berhimpun di Chapel St Sabina.

Kemudian tepat jam 3.00 petang, Pembantu Paderi Paroki, Fr Joshua Liew memimpin Doa Kerahiman Ilahi.

Ini disusuli dengan pengangkatan kayu salib hampir 100 kg diusung secara bergiliran pada setiap perhentian sejauh 900 meter mendaki bukit menuju ke puncak Bukit Hati Kudus Pohumpung, Biau.

Di Bukit Hati Kudus yang terletaknya Salib Besar, Misa Kudus dipimpin oleh Msgr Nicholas Stephen yang dalam homilinya menyatakan, "Bagi orang Israel, salib itu

adalah lambang hina, kematian dan kekal tetapi dengan kebangkitan Yesus, Dia telah menukar wajah Salib yang 'hodoh' itu kepada kemuliaan, kehidupan dan kemenangan."

Dalam sejarah dunia, banyak terjadi peristiwa dimana salib itu ditolak atau dilenyapkan kerana salib adalah lambang cintakasih Tuhan.

Oleh itu setiap kali memandang salib, jangan melihat penderitaan Yesus sebaliknya lihatlah salib itu sebagai kemenangan yang mengalahkan iblis dan sebagai lambang agung bahawa Tuhan sangat mencintai kita.

Msgr Nicholas juga memberitahu bahawa Pesta Ziarah Jalan Salib sempena Pesta Pemuliaan Salib setiap September 14, akan menjadi aktiviti ziarah tahunan bagi Paroki Limbahau dan juga Papar.

Sempena Ziarah Jalan Salib yang pertama ini, Msgr Nicholas tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua petugas Liturgi, para pengangkat salib, para penyumbang khususnya mereka yang bertungkus lumus menyiapkan pelantar untuk digunakan semasa Misa Kudus dalam masa tiga hari sahaja!



Beberapa orang belia mengambil bahagian dalam mengangkat Salib menuju Bukit Hati Kudus.